

08/08/2001

Kelewatan pinjaman sulitkan mahasiswa

Mahasiswi Cemas

SAYA ingin merujuk kelewatan kemasukan Perbadangan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional atau ringkasnya PTPTN menyebabkan mahasiswa dan mahasiswi menghadapi masalah sama ada pembelian buku, perbelanjaan makanan dan urus diri.

Saya terpanggil menulis di ruangan ini apabila melihat ramai rakan taulan berdepan kesulitan apabila semester baru dibuka pada 2 Julai 2001.

Sedangkan dalam masa sama, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapannya di Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa di Alaf Baru menyeru mahasiswa dan mahasiswi supaya memperkasa pencapaian dalam pelajaran.

Bagaimana kami dapat belajar apabila tidak mampu untuk membeli buku dan mentelaah pelajaran dengan perut berkeroncong?

Saya menghubungi PTPTN pada 4 Julai 2001 dan jawapan yang diterima pinjaman hanya akan dimasukkan pada akhir Julai ke dalam akaun UIAM. Selepas menjalani proses agak lama, baru pinjaman itu akan dimasukkan ke dalam akaun kami. Saya menganggarkan pada awal Ogos, baru pinjaman itu akan dimasukkan ke dalam akaun kami.

Di kala sahabat kami di IPTA lain sudah mendapat pinjaman, keadaan kami di UIAM amatlah menyedihkan. Bagaimana pula dengan mahasiswa dan mahasiswi daripada golongan berpendapatan rendah dan sesetengahnya terkena tempias dengan kejatuhan harga kelapa sawit dan getah?

Saya ingin merayu kepada PTPTN mempercepatkan kemasukan pinjaman. Kita mahu mahasiswa dan mahasiswi kita sentiasa bersedia untuk menghadapi cabaran pada alaf baru dan memulakan semester baru dengan cemerlang. Semoga permohonan ini mendapat pertimbangan sewajarnya daripada pihak berwajib.